

Konsep Masa dalam Kata Kerja Arab

Oleh HARUN BAHARUDIN

Walaupun para sarjana dan linguist Arab klasik telah menghasilkan pelbagai karya besar tentang perbincangan secara tersusun. Kekurangan ini menjelaskan kepada kita bahawa tujuan utama perincian dan penulisan karya-karya tersebut sebenarnya bertujuan untuk pembelajaran penutur jati dan mereka yang mempunyai kemahiran bahasa yang tinggi. Menurut Aydin (1997), penghasilan karya-karya tatabahasa Arab klasik bermatlamat untuk menghasilkan kemahiran bertutur, membaca dan menulis pada aras tinggi dan untuk memelihara lidah daripada melakukan kesilapan dan kerancuan bahasa. Sedangkan untuk pelajar yang belum memiliki keupayaan sebaris dengan lisan orang Arab, sebenarnya mereka memerlukan suatu konsep ilmu yang membolehkan mereka memahami asas tatabahasa Arab. Atas faktor yang sedemikian itulah, kebanyakan sarjana bahasa Arab

klasik menumpukan perhatian dan perbincangan mereka kepada isu sekitar derivasi morfologi [الإعراب], fleksi [الإنشاء], kefahaman linguistik dan retorik [البلاغة] dan semua faktor yang menyokong kecekapan teknikal tersebut.

Sebaliknya, disebabkan aspek kala tidak berkait secara langsung dengan salah satu matlamat utama tatabahasa Arab klasik yang dinyatakan, maka hal yang sedemikian ini tidak diberikan perhatian yang sama. Aliran tatabahasa Arab klasik kemudiannya diformalkan sekitar tiga bidang tumpuan ini. Bahasa Arab klasik dan bahasa Arab moden tetap kekal sama tanpa ada perbezaan ketara, namun beberapa isu tatabahasa disusun dan dikonseptualisasikan semula untuk tujuan memudahkan aspek bahasa yang kompleks, terutama untuk pembelajaran dalam kalangan penutur bahasa kedua dan asing. Dalam kedua-dua aliran ini, iaitu bahasa Arab klasik dan moden, semua perkataan dikategorikan kepada tiga bahagian utama, iaitu:

- (1) Nominal (الإسم).
- (2) Kata kerja (الفعل).
- (3) Partikel (الحرف).

Kategori ini kemudian dibahagikan dengan terperinci. Kata kerja pula lazimnya dibahaskan sekitar tiga subkategori, iaitu:

- (1) al-maadhi (الماضي).
- (2) al-mudhori (المضارع).
- (3) al-amr (الأمر).

Konsep Kata Kerja Arab

Kata kerja merupakan salah satu penggolongan kata dalam sesebuah bahasa selain kata nama dan kata tugas. Kata kerja menunjukkan suatu makna (peristiwa) yang disertai dengan salah satu daripada tiga konsep kala (waktu) iaitu masa lampau, sekarang, dan mendatang. Kata kerja dalam bahasa Arab merupakan unsur penting dalam pemaknaan kalimat bahasa Arab sekali gus merupakan faktor paling penting yang mempengaruhi unsur-unsur kalimat. Keberadaan sesuatu kata kerja dalam ayat akan memberikan petunjuk tentang الفاعل (pelaku, subjek), ظرف زمان (objek), مفعول به (keterangan waktu), keadaan, dan sebagainya.

Konsep kala (waktu) dalam kata kerja Arab bukan semata-mata boleh difahami dengan bentuk dan acuan (wazan) lafaz kata kerja itu sendiri, tetapi perlu juga melihat posisi dan konteksnya dalam ayat. Berdasarkan konsep ini, sesuatu kata kerja dapat difahami konsep kalanya, sama ada berlaku pada masa lampau, sekarang, atau mendatang. Misalnya, acuan (wazan) kata kerja فتح (fataha) boleh difahami konsep kalanya dengan hanya melihat kepada bentuk dan acuan lafaz kata kerja itu sendiri, iaitu kata kerja الماضي (lampau), "telah membuka". Selain itu, terdapat petunjuk lain yang mengandungi makna kala, iaitu kata keterangan waktu, iaitu أمس (kemarin) صباح (pagi) yang bererti perbuatan itu telah berlaku dalam ayat أمس فتح أحمد الباب صباح (Ahmad telah membuka pintu pagi kelmarin).

Pembelajaran kata kerja Arab klasik dapat dikonseptualisasikan dengan cara yang berikut:

- (1) Kata kerja al-maadhi [الماضي] ditakrifkan sebagai kata kerja yang menunjukkan kejadian pada masa lalu.
- (2) Kata kerja al-mudhori [المضارع] ialah kata kerja yang menunjukkan kejadian yang berlaku pada masa kini [الـحال] atau al-hadhir [الحاضر] dan kala masa depan [المستقبل].
- (3) Kata kerja al-amr [الأمر] ditakrifkan sebagai kata kerja yang kejadiannya pada masa akan datang dan sesuai dengan keperluannya.

Dengan definisi asas dan pengkategorian ini, tatabahasa bahasa Arab klasik didapati memberikan tumpuan lebih banyak pada ciri formal dan tidak formal sesuatu

perbuatan berbanding dengan membincangkan pertimbangan dari aspek fungsional. Istilah al-mudhori [المضارع] digunakan untuk merujuk perbuatan tersebut dalam aspek yang tidak sempurna secara literal. Istilah ini digunakan untuk kata kerja dan kata nama yang tidak atau belum sempurna kejadiannya. Sebaliknya, kata kerja al-maadhi [الماضي], secara harfiah "yang telah berlalu atau berlalu" digunakan untuk jenis kata kerja yang sempurna kejadiannya. Kesemua ini menjelaskan bahawa tatabahasa Arab klasik meletakkan fokus pembahagian kata kerja Arab kepada ciri formal, bukannya kepada pengkategorian fungsi.

Memandangkan tatabahasa Arab klasik melihat definisi kata kerja seperti di atas dan kata-kerja tersebut dikategorikan dalam cara yang agak seragam dan mudah, namun linguistik kontemporari melihat terdapat isu kaedah untuk menterjemahkan atau melabelkan kategori-kategori ini. Konsensus konsep kala dalam kata kerja maadhi [الماضي] dan mudhori [المضارع] tidak memudahkan dan menjelaskan peristiwa dan sesuatu kejadian. Sesetengah bahasa mempunyai pelbagai konsep kala (tenses) yang jelas dalam perbincangan tentang kata kerja dan hal yang berkenaan dibincangkan dengan sangat spesifik tentang masa sesuatu tindakan, sama ada tindakan itu telah selesai atau tidak. Namun, dalam pembelajaran tatabahasa Arab, begitu samar-samar tentang masa dan hanya ada dua konsep kala yang asas, iaitu:

- (1) Masa lalu (atau sempurna) الماضي.
- (2) sekarang (atau tidak sempurna) المضارع.

Memahami Konsep Masa dan Kala dalam Kata Kerja Bahasa Arab

Salah satu karakteristik bahasa Arab ialah bahasa ini merupakan bahasa yang sangat kaya dengan kepelbagaian bentuk kata (ghaniyyah bi al-lyagh). Namun demikian, jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris, bahasa Arab terkadang dianggap tidak memiliki peta konsep kala yang jelas. Sebahagian orientalis Barat juga berpendapat bahawa bahasa Arab hanya mempunyai dua jenis kala dalam dua bentuk kata kerja, iaitu maadhi [الماضي] dan mudhori [المضارع]. Buku-buku tentang sintaksis nahu dan morfologi yang ada juga hanya cenderung mengklasifikasikan kata kerja Arab dari segi waktu berlakunya peristiwa dan kejadian melalui dua kategori, iaitu maadhi (past tense) dan mudhori (present atau future tense). Benarkah demikian? Sebagai bahasa rumpun Semitik yang paling tua dan masih wujud hingga sekarang, bahasa Arab idealnya memiliki konsep kala dan waktu yang jelas dan fungsional. Permasalahannya, apakah perbincangan dan konsepnya dijelaskan dengan baik, terutamanya untuk membantu kita memahami dan memudahkan pembelajarannya.

Konsep kala dan waktu dalam bahasa Arab cukup kompleks. Dari satu segi, konsep kala dan waktu melibatkan struktur ayat (tarkib al-jumal) dan hanya dapat difahami dalam struktur ayat informatif (al-jumlah al-mufidah) yang menunjukkan ciri dan konsep waktunya. Dari aspek lain pula, terutama jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris, struktur ayat yang menunjukkan sesuatu bentuk kala lazimnya berkait rapat dengan kata kerja bantu (auxiliaries)

verbs) atau seperti *كان* untuk masa lampau sedangkan *سوف* untuk masa mendatang, kata keterangan waktu seperti *أمس، بالأمس، الآن، اليوم، خالياًغدا، بعد الغد* dan petunjuk penyerta dalam struktur ayat yang memberikan makna dalam ayat sehingga penentuan kategori bentuk kala menjadi mudah difahami.

Kata kerja *maadhī* [ماضي] ialah lafaz yang menunjukkan kejadian suatu perbuatan sebelum waktu pembicaraan dilakukan oleh penutur. Ciri acuan (*wazan*) kata kerja *maadhī* [ماضي] ini pada dasarnya terdiri daripada tiga huruf dan huruf terakhirnya berbaris atas atau fathah, namun hurufnya boleh menjadi lebih daripada tiga berdasarkan acuan empat kata, lima kata dan enam kata. Namun, dalam makalah ini kita tidak membincangkan dengan terperinci tentangnya. Contoh kata kerja *maadhī* [ماضي] ialah, *جلس* (telah duduk), *قرأ* (telah membaca), dan *كتب* (telah menulis).

Kata kerja *maadhī* [ماضي] boleh dikenali dengan mudah apabila sebelum kata kerja itu terdapat huruf *قد* atau kata kerja itu terdapat kata ganti diri bersambung. Walaupun asasnya kata kerja *maadhī* [ماضي] membawa maksud masa lampau, namun kata kerja *maadhī* [ماضي] boleh membawa kepada perubahan makna dari aspek waktu disebabkan faktor-faktor lain sehingga ada beberapa kata kerja *maadhī* [ماضي] yang membawa makna sekarang dan akan datang. Contoh kata kerja *maadhī* [ماضي] yang berubah makna masanya banyak ditemukan dalam lafaz al-Quran dan Hadis.

Seperti *رضي، رحم، برك* yang membawa maksud mendoakan seseorang untuk masa akan datang walaupun dalam bentuk kata kerja *maadhī* [ماضي]. Selain itu, ada kata kerja *maadhī* [ماضي] yang biasa, namun lebih utama difahami keterangan waktunya sebagai waktu sekarang atau akan datang seperti dalam ayat:

الآن خفف الله عنكم و علم أن فيكم ضغفا

(Sekarang Allah telah meringankan kepadamu dan dia telah mengetahui bahawa padamu ada kelemahan. Termasuk juga di sini kata kerja *maadhī* [ماضي] *naqis* seperti *ما زال* dan *ما دام* yang membawa maksud masih berlaku.

Kata kerja *al-mudhori'* [المضارع] pula ialah lafaz yang menunjukkan terjadinya suatu perbuatan pada waktu dan sesudah terjadinya pembicaraan. Hal yang sedemikian ini boleh difahami dalam situasi ketika kita berbicara itu, kita sedang atau akan melakukan perbuatan yang kita bicarakan itu. Kata kerja *al-mudhori'* [المضارع] boleh dikenali dan dibezakan daripada kata kerja *maadhī* dengan memerhatikan acuan (*wazan*) lafaz itu lebih daripada tiga huruf dan daripada situ terdapat salah satu huruf *mulara'ah* pada awal kata itu sebagai tanda kata kerja *al-mudhori'* [المضارع].

Huruf-huruf *mulara'ah* pula terdiri daripada *ن، ت، ي*. Ketika salah satu huruf yang empat ini ada pada awal sebuah kata kerja, maka boleh dikenali bahawa kata kerja itu merupakan kata kerja *al-mudhori'* [المضارع]. Contohnya, sedang atau akan menulis (*يكتب*), sedang atau akan membaca (*يقرأ*) sedang atau akan duduk (*يجلس*).

Kata kerja *al-mudhori'* [المضارع] akan membawa makna "akan datang" dengan melihat atau meletakkan *أن* *masdariyah* sebelum kata kerja *al-*

mudhori' [المضارع], atau meletakkan keterangan waktu tambahan, sama ada sebelum atau selepas kata kerja tersebut, seperti ayat:

أريد أن أرجع إلى سلتجور

في الشهرين المستقبل (saya akan pulang ke Selangor dua bulan yang akan datang).
Kata kerja *al-mudhori'*

akan membawa makna akan datang sekiranya diletakkan huruf *sin* (س) atau *saufa* (سوف) di hadapan kata kerja *al-mudhori'* [المضارع] seperti *سوقاً فلان* (Fulan akan segera membaca al-Quran).

Walaupun acuan (*wazan*) kata kerja *al-mudhori'* [المضارع] secara mudahnya membawa maksud waktu sekarang atau akan datang, tetapi sekiranya terdapat huruf (*الم، ل، ن، الم، الم، الم، الم، الم*), iaitu *jazm*, maka kata kerja *al-mudhori'* [المضارع] tersebut membawa maksud belum, telah, sudah dan lampau. Contoh, "Katakanlah kepada mereka, kalian **belum** beriman..." (*قل لهم تؤمنوا*) dan "Bukankah kami telah melampangkan untukmu akan dadamu" (*الم نشرح لك صدرك*) dan banyak lagi contoh lain yang menggunakan bentuk dan acuan kata kerja *al-mudhori'* [المضارع] tetapi berubah makna dari aspek kala dan waktunya.

Kata kerja *amr* [أمر] ialah lafaz yang ditujukan untuk menuntut seseorang melakukan suatu perbuatan setelah waktu pembicaraan dilakukan. Kata kerja *amr* [أمر] ini membawa makna waktu akan datang, kerana suatu perintah untuk mengerjakan sesuatu tentu menghendaki perbuatan itu dilakukan setelah perintah berkenaan. Contoh, "bacalah!" (*اقرأ*), "duduklah" (*اجلس*) dan "tulislah" (*كتب*).

Jadual 1 Peranan kata adverba dalam konsep waktu kata kerja Arab.

Bil.	Ayat Bahasa Arab	Ayat Bahasa Melayu	Bentuk kata kerja Arab	Kategori Kata Adverba	Kata Adverba
1.	سوف يذهب خالد إلى مكة المكرمة في السنة الأتية	Khalid akan pergi ke Makkah al-Mukarramah tahun hadapan.	سوف يفعل	futuratif	akan + v
2.	سنخرج من الفصل	Sebentar lagi, kita akan keluar dari kelas.	سيفعل	futuratif	sebenar lagi + akan + v
3.	أخذت السيارة تسرع	Kereta itu mulai laju.	أخذ يفعل	inkoatif	mulai + v
4.	يقرا احمد كتاب الفلاسفة	Ahmad sedang membaca buku filsafat.	يفعل	duratif	sedang + v
5.	لما يخرج من مكتبه	Dia belum keluar dari pejabatnya.	لما يفعل	imperfektif	belum + v
6.	قد قامت الصلاة	Waktu solat telahpun masuk.	قد فعل	perfektif	telahpun + v
7.	الم نشرح لك صدرك	Bukankah kami telah melampangkan untukmu dadamu	لم يفعل	perfektif	telah + v
8.	كان يصلي الفجر	Dia dulunya sedang solat subuh.	كان يفعل	perfektif	dulunya sedang + v

Peranan Kata Keterangan Adverba

Dalam penjelasan tentang aspek kala dalam kata kerja bahasa Arab melalui bahasa Melayu, kebiasaannya kata adverba diguna pakai. Kata adverba untuk menerangkan kala dan masa ialah adverba yang menjelaskan dan menyatakan sama ada sesuatu tindakan atau perbuatan itu sudah selesai, belum selesai, atau sedang dilakukan. Lazimnya bentuk kata adverb seperti belum, baru, mulai, sedang, lagi, tengah, masih, sudah, telah, sempat, dan pernah akan digunakan. Sehubungan dengan ini, kata-kata adverba ini dapat diklasifikasikan sebagai jenis aspek duratif (lagi, sedang, tengah), imperfektif (masih), perfektif (pemas, sudah, telah), inkoatif (mulai).

Kerap (1987) pula membahagikan kata adverb penanda aspek kepada tujuh jenis. Aspek inkoatif yang menunjukkan suatu peristiwa pada proses

permulaan berlangsungnya, seperti duratif ialah keterangan aspek yang menunjukkan bahawa suatu peristiwa tengah berlangsung dengan menggunakan kata sedang dan sementara. Aspek perfektif pula merupakan keterangan aspek yang menyatakan bahawa suatu peristiwa telah mencapai titik penyelesaiannya, iaitu kata sudah dan telah. Aspek momental pula bermaksud menyatakan suatu peristiwa yang terjadi pada suatu saat yang pendek. Seterusnya Aspek repetitif kenyataan bahawa suatu perbuatan terjadi berulang-ulang, contohnya "dia memukul-mukul anak itu". Aspek frekuentatif pula menunjukkan bahawa suatu peristiwa sering terjadi seperti "dia sering datang ke kedai itu" dan aspek habituatif, iaitu menyatakan bahawa perbuatan itu terjadi kerana suatu kebiasaan seperti "dia biasa membaca surat khabar di bawah pohon itu".

Jadual 1 menunjukkan beberapa contoh peranan kata adverb bagi menerangkan konsep waktu kata kerja Arab.

Hakikatnya pembelajaran kata kerja bahasa Arab masih terikat dengan cara pemahaman kata kerja bahasa Arab klasik yang tidak mengambil kira aspek dan konsep kala yang sebenar. Pembelajaran kata kerja bahasa Arab tidak boleh hanya bergantung pada hafalan dan pergecaman bentuk dan acuan (*wazan*) kata kerja sahaja. Pembahagian umum kata kerja hanya kepada dua masa utama, iaitu lampau dan sekarang atau masa depan, hanya sesuai untuk penutur jati dan mereka yang telah mahir memelihara lidah daripada kerancuan makna.

Namun, bagi pelajar yang berada pada peringkat permulaan, konsep kala dalam kata kerja bahasa Arab perlu didedahkan dan dijelaskan dengan baik agar penggunaan kata kerja bahasa Arab jelas dan dapat dimudahkan. Penggunaan analisis perbandingan dengan bahasa lain sebenarnya sangat membantu untuk memahami konsep kala ini, terutamanya konsep *tenses* dalam bahasa Inggeris. 46